

SPP UPSI BIL. 4 TAHUN 2011

Semua

Ketua Pusat Tanggungjawab
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Y. Bhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan,

Kemudahan Cuti Bersalin Dan Cuti Isteri Bersalin Bagi Tutor (DA41)

Perkara di atas dirujuk dan surat JPA(S)253/2/11-2 Klt.4(28) bertarikh 9 April 1996 serta surat tawaran Tutor (DA41) adalah berkaitan.

2. Berdasarkan Perkara 15.1 di dalam surat tawaran Tutor, menyatakan bahawa "Tuan/Puan adalah layak mendapat cuti mengikut peraturan yang ditetapkan dalam Perintah Am Bab C tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa". Berkaitan dengan ini, dimaklumkan bahawa pelantikan Tutor adalah bertaraf "Sementara" yang tidak bersandarkan mana-mana skim perkhidmatan sepertimana Pegawai Awam yang dinyatakan dalam PU(A)176/2005. Oleh itu, pegawai tidak tertakluk kepada syarat dan terma perkhidmatan yang diperolehi Pegawai Perkhidmatan Awam. Syarat-syarat perkhidmatan dan sistem saaraan termasuk peruntukan kemudahan cuti bagi Tutor adalah tertakluk kepada surat yang dikeluarkan oleh JPA (JPA 63/4/82 Jld. 3 (59) bertarikh 9 April 1996).
3. Atas asas itu, Tutor tidak layak mendapat kemudahan Cuti Bersalin dan juga Cuti Isteri Bersalin. Melalui Mesyuarat Pengurusan Eksekutif Bilangan 8 Tahun 2011 yang bertarikh 20 April 2011 telah memutuskan bahawa Tutor boleh memohon Cuti Bersalin Tanpa Gaji selama 60 hari (termasuk hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am) bagi setiap kelahiran. Manakala Cuti Isteri Bersalin, pegawai perlu menggunakan kemudahan cuti rehat yang masih berkelayakan.
4. Ketua Pusat Tanggungjawab bertanggungjawab memaklumkan kelahiran tersebut kepada Pendaftar untuk tujuan memberhentikan sementara gaji pegawai. Sekiranya kelahiran tersebut berlaku semasa pegawai Cuti Belajar, kemudahan Cuti Bersalin Tanpa Gaji atau Cuti Isteri Bersalin adalah tidak terpakai.

5. Surat Pekeliling Pentadbiran ini terpakai bagi semua Tutor dan ianya berkuat kuasa mulai **1 Mei 2011**. Dengan berkuat kuasanya Surat Pekeliling Pentadbiran ini, maka Perkara 15.1 di dalam surat tawaran Tutor dipinda kepada "Tuan/Puan adalah layak mendapat Cuti tertakluk kepada syarat-syarat perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan yang dibuat dari semasa ke semasa".

Sekian, terima kasih.

"PENDIDIKAN GEMILANG MENUJU WAWASAN"

Yang benar,

(DATO' RUSLEY BIN TAIB)

Pendaftar

Universiti Pendidikan Sultan Idris

s.k : Y. Bhg. Dato' Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)